



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI ATAS APA-APA
JUMLAH DITERIMA DAN HUTANG
YANG TERHUTANG YANG TERBIT
BERHUBUNG PERKHIDMATAN
YANG AKAN DIBERIKAN**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2020

TARIKH PENERBITAN: 16 JUN 2020



**LAYANAN CUKAI ATAS APA-APA
JUMLAH DITERIMA DAN HUTANG
YANG TERHUTANG YANG TERBIT
BERHUBUNG PERKHIDMATAN
YANG AKAN DIBERIKAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2020
Tarikh Penerbitan: 16 Jun 2020**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama pada 16 Jun 2020

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**LAYANAN CUKAI ATAS APA-APA
JUMLAH DITERIMA DAN HUTANG
YANG TERHUTANG YANG TERBIT
BERHUBUNG PERKHIDMATAN
YANG AKAN DIBERIKAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2020
Tarikh Penerbitan: 16 Jun 2020**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
5. Layanan Cukai Mulai Tahun Taksiran 2016	4
6. Layanan Cukai Sebelum Tahun Taksiran 2016	11
7. Layanan Cukai Berhubung Bayaran Balik Penerimaan Bayaran Pendahuluan	12
8. Perkhidmatan yang Tidak Tertakluk kepada perenggan 24(1)(b) ACP dan subseksyen 24(1A) ACP	12
9 Penafian	14

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan iaitu dalam tempoh yang berkaitan –

- (a) apa-apa jumlah yang diterima oleh seseorang, walaupun tidak terdapat apa-apa hutang kepada orang itu; dan
- (b) hutang yang terhutang kepada seseorang

yang terbit berhubung dengan perkhidmatan yang akan diberikan hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar seseorang daripada sesuatu perniagaan untuk tempoh yang berkaitan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 4(a), perenggan 23(a), perenggan 24(1)(b), subseksyen 24(1A) dan subseksyen 34(7A).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Hutang” bermaksud satu hutang dalam suatu jumlah tertentu sama ada ianya -
 - (a) genap masanya; atau
 - (b) genap masanya dan kena dibayar.
- 3.2 “Orang” termasuklah suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.3 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah sesuatu kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

Menurut Akta Kewangan 2015 (Akta 773) yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran (TT) 2016 –

- (a) Perenggan 24(1)(b) ACP telah dipinda untuk memperuntukkan hutang yang terhutang kepada seseorang; dan
- (b) Subseksyen 24(1A) ACP telah diperkenalkan untuk menjelaskan apa-apa jumlah yang diterima oleh seseorang, walaupun tidak terdapat apa-apa hutang kepada orang itu

berhubung dengan **perkhidmatan yang akan diberikan** hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan bagi seseorang itu untuk tempoh yang berkaitan.

Sebelum TT 2016, perenggan 24(1)(b) ACP hanya memperuntukkan hutang yang terhutang kepada seseorang berkenaan dengan apa-apa **perkhidmatan yang telah diberikan** dan amaun hutang itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan bagi seseorang itu untuk tempoh yang berkaitan.

4.1 Hutang yang terhutang kepada seseorang berhubung dengan apa-apa perkhidmatan yang akan diberikan

- (a) Pindaan kepada perenggan 24(1)(b) ACP memperuntukkan jika dalam tempoh yang berkaitan, hutang yang terhutang kepada seseorang, berhubung dengan apa-apa **perkhidmatan yang akan diberikan**, amaun hutang itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar daripada suatu perniagaan bagi seseorang itu untuk tempoh yang berkaitan.
- (b) Jika terdapat obligasi berkontrak untuk membayar, liabiliti akan wujud iaitu terdapat liabiliti untuk membayar bagi perkhidmatan yang masih belum diberikan. Apabila satu liabiliti wujud berkenaan dengan perkhidmatan yang akan diberikan pada masa akan datang oleh seseorang semasa menjalankan perniagaan, hutang yang terhutang kepada orang itu akan terbit. Hutang dikatakan terbit sama ada atau tidak genap masanya, atau genap masanya dan kena dibayar.
- (c) Oleh itu, hutang yang terhutang yang terbit daripada perkhidmatan yang akan diberikan hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar

daripada suatu perniagaan orang itu dalam tempoh yang berkaitan
iaitu apabila liabiliti itu wujud.

Contoh 1

Popcorn Caramel Sdn Bhd (PCSB) telah menandatangani suatu kontrak selama satu (1) tahun bernilai RM5 juta dengan Aveeno Sdn Bhd (ASB) untuk perkhidmatan yang akan diberikan oleh ASB bagi tempoh mulai 1.1.2020 hingga 31.12.2020. Mengikut perjanjian pada 1.4.2019, PCSB dikehendaki membayar bayaran pendahuluan mulai daripada bulan Mei hingga Disember 2019. ASB menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Sekiranya bayaran mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kontrak **tidak dibayar** pada tahun 2019 maka hutang yang terhutang yang terbit itu bagi perkhidmatan yang belum diberikan itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan ASB bagi TT 2019.

Nota: Hutang yang terhutang terbit apabila liabiliti untuk membayar wujud iaitu pada tarikh atau tempoh bayaran menjadi genap masanya, atau genap masanya dan kena dibayar.

4.2 Apa-apa jumlah yang diterima oleh seseorang berhubung dengan perkhidmatan yang akan diberikan

Menurut peruntukan subseksyen 24(1A) ACP, jika dalam tempoh yang berkaitan, apa-apa jumlah yang diterima oleh seseorang semasa menjalankan perniagaan, berhubung dengan apa-apa perkhidmatan yang akan diberikan dalam tempoh yang berkenaan atau dalam mana-mana tempoh asas berikutnya, jumlah itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan seseorang dalam tempoh berkaitan jumlah itu diterima, walaupun “tidak terdapat apa-apa hutang kepada orang itu berkenaan dengan perkhidmatan itu”.

Dalam erti kata lain, “tidak terdapat apa-apa hutang kepada orang itu berkenaan dengan perkhidmatan itu” bermaksud hutang yang terhutang kepada orang itu belum terbit lagi disebabkan liabiliti untuk membayar berkenaan dengan perkhidmatan itu belum wujud lagi.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali perkhidmatan yang akan diberikan adalah bagi tempoh dua (2) tahun iaitu pada tahun 2020 dan

2021. Bayaran hendaklah dibuat secara pendahuluan mengikut dalam perjanjian –

- (a) Bayaran pada bulan Mei hingga Disember 2019 bagi perkhidmatan pada tahun 2020; dan
- (b) Bayaran pada bulan Januari hingga Ogos 2020 bagi perkhidmatan pada tahun 2021.

PCSB memutuskan untuk membayar secara pendahuluan bagi perkhidmatan yang akan diberikan pada kedua-dua tahun 2020 dan 2021 dalam tahun 2019.

Bayaran pendahuluan yang dibuat pada tahun 2019 untuk perkhidmatan yang akan diberikan pada tahun 2020 adalah selaras dengan perjanjian. ASB akan dikenakan cukai atas bayaran pendahuluan ini dalam TT 2019 di bawah perenggan 24(1)(b) ACP kerana terdapat hutang yang terhutang kepada ASB apabila PCSB mempunyai liabiliti untuk membayar ASB pada tahun 2019.

PCSB membuat bayaran secara pendahuluan atas kehendaknya sendiri pada tahun 2019 dan bukannya pada tahun 2020 untuk perkhidmatan yang akan diberikan pada tahun 2021. ASB akan dikenakan cukai ke atas apa-apa jumlah yang diterima pada tahun 2019 dalam TT 2019 berkenaan dengan perkhidmatan yang akan diberikan pada tahun 2021 di bawah subseksyen 24(1A) ACP. Perenggan 24(1)(b) ACP tidak terpakai kerana tidak ada hutang yang terhutang berkenaan dengan perkhidmatan yang akan diberikan pada tahun 2021. Liabiliti untuk membayar perkhidmatan tersebut hanya timbul pada tahun 2020.

5. Layan Cukai Mulai Tahun Taksiran 2016

Pemakaian perenggan 24(1)(b) ACP perlu dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum mengguna pakai subseksyen 24(1A) ACP. Layan cukai bagi hutang yang terhutang kepada seseorang dan jumlah yang diterima oleh seseorang boleh digambarkan dalam contoh berikut.

Contoh 3

Galaxy Sdn Bhd (GSB) menyediakan perkhidmatan bagi kerja-kerja membersihkan ruang pejabat dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada

1.10.2018, satu perjanjian telah ditandatangani dengan pelanggan tetap syarikat, Lavender Sdn Bhd (LSB).

Mengikut perjanjian, LSB dikehendaki membuat bayaran tahunan berjumlah RM90,000 secara pendahuluan pada tarikh bayaran yang ditetapkan untuk perkhidmatan yang akan dilakukan bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu mulai 1.1.2019 hingga 31.12.2021.

Ringkasan Butiran Perjanjian Di antara GSB dan LSB

GSB menutup akaun	-	31 Disember
Perjanjian ditandatangani	-	1.10.2018
Tempoh perkhidmatan	-	1.1.2019 - 31.12.2021
Harga kontrak	-	RM270,000
Tarikh genap masanya bagi bayaran	-	Rujuk Jadual

TT yang bayaran pendahuluan dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan di bawah perenggan 24(1)(b) ACP	2018	2019	2020
Tarikh genap masa bagi bayaran	14.12.2018	13.12.2019	15.12.2020
Bayaran pendahuluan (RM)	90,000	90,000	90,000
Tempoh perkhidmatan	1.1.2019 – 31.12.2019 (TT 2019)	1.1.2020 – 31.12.2020 (TT 2020)	1.1.2021 – 31.12.2021 (TT 2021)

Terdapat obligasi berkontrak untuk membayar bagi perkhidmatan yang akan diberikan pada tahun TT 2019, TT 2020 dan TT 2021.

Oleh itu berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP, hutang yang terhutang yang terbit daripada perkhidmatan yang akan diberikan itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan GSB dalam tempoh liabiliti untuk membayar itu wujud. Maka, bayaran pendahuluan tahunan berjumlah RM90,000 yang perlu dibayar pada tarikh bayaran yang ditetapkan merupakan

hutang yang terhutang yang terbit pada TT 2018, TT 2019 dan TT 2020 dan dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan GSB bagi TT 2018, TT 2019 dan TT 2020 masing-masing.

Contoh 4

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 kecuali mengikut perjanjian, LSB akan mendapat diskaun 20% dengan syarat LSB dikehendaki membayar deposit berjumlah RM10,000. LSB bersetuju dengan tawaran tersebut dan membayar RM10,000 dan bayaran tahunan berjumlah RM90,000 pada 14.12.2018.

Ringkasan Butiran Perjanjian Di antara GSB dan LSB

GSB menutup akaun	-	31 Disember
Perjanjian ditandatangani	-	1.10.2018
Tempoh perkhidmatan	-	1.1.2019 - 31.12.2021
Harga kontrak asal	-	RM270,000
Harga kontrak selepas diskaun 20%	-	RM216,000
Tarikh genap masa bagi bayaran	-	Rujuk Jadual

TT yang bayaran dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan di bawah perenggan 24(1)(b) ACP	2018	2019	2020
Tarikh genap masanya bagi bayaran	14.12.2018	13.12.2019	15.12.2020
Deposit (RM)	10,000	-	-
Bayaran pendahuluan (RM)	90,000	90,000	26,000
Tempoh perkhidmatan	1.1.2019 – 31.12.2019 (TT 2019)	1.1.2020 – 31.12.2020 (TT 2020)	1.1.2021 – 31.12.2021 (TT 2021)

Berdasarkan kepada butiran perjanjian tersebut didapati bayaran untuk perkhidmatan bagi tempoh 1.1.2021 – 31.12.2021 dikurangkan setelah mengambil kira deposit dan diskaun diterima.

Berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP, deposit berjumlah RM10,000 yang diterima oleh GSB pada 14.12.2018 hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar GSB untuk TT 2018.

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4 kecuali pada 13.12.2019, LSB telah membuat bayaran pendahuluan RM116,000 yang termasuk bayaran RM26,000 yang sepatutnya genap masanya dan kena dibayar pada 15.12.2020 tetapi telah dibayar lebih awal iaitu pada 13.12.2019.

Layanan cukai terhadap LSB berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP dan subseksyen 24(1A) ACP adalah seperti berikut –

	TT 2019	Liabiliti untuk membayar / hutang yang terhutang	Perenggan 24(1)(b) ACP	Subseksyen 24(1A) ACP
Tarikh bayaran	13.12.2019			
Bayaran pendahuluan (RM)	90,000	Wujud / terbit	√	x
	26,000	Belum wujud / belum terbit	x	√

Contoh 6


Green Holiday Sdn Bhd (GHSB), sebuah syarikat pelancongan yang menyediakan pakej pelancongan termasuk penginapan hotel dan tiket penerbangan. GHSB menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Mengikut terma dan syarat pakej pelancongan GHSB, selepas bayaran deposit tempahan yang pertama, bayaran penuh atau bakinya mesti dibuat empat puluh lima (45) hari sebelum tarikh berlepas.

Pada 11.11.2019, GHSB menerima bayaran deposit tempahan pertama berjumlah RM7,500 (RM500 x 15) daripada Syarikat Firas Sdn Bhd (SFSB) untuk pekerjaanya. Deposit penempahan tersebut untuk pakej pelancongan berkumpulan ke Turki pada 23.2.2020 yang harga pakejnya berjumlah RM65,970 (RM4,398 x 15) untuk seramai 15 orang.

GHSB mengeluarkan invois bertarikh 18.11.2019 yang menyatakan tarikh genap masanya bagi bayaran baki berjumlah RM58,470 (RM65,970 – RM7,500) perlu dijelaskan sebelum tarikh genap masanya iaitu 10.1.2020.

Pada 16.12.2019, SFSB telah membuat bayaran ansuran berjumlah RM29,235 dan baki bayaran berjumlah RM29,235 telah dijelaskan sepenuhnya pada 10.1.2020.

Ilustrasi bagi pakej pelancongan ke Turki adalah seperti berikut –



Nota¹ : Liabiliti untuk membayar deposit ini wujud pada tarikh tempahan dibuat iaitu 11.11.2019 bagi perkhidmatan pelancongan yang akan diberikan pada tahun 2020. Oleh itu, berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP, deposit hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan GHSB untuk TT 2019 apabila liabiliti untuk membayar itu wujud.

Deposit tempahan tersebut adalah sebahagian daripada harga pakej pelancongan dan jika tempahan itu dibatal, deposit tersebut boleh diperolehi semula yang tertakluk kepada terma dan syarat.

Nota² : Bayaran ansuran ini dikira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan GHSB bagi TT 2019 di bawah perenggan 24(1)(b) ACP kerana terdapat hutang terhutang kepada GHSB apabila SFSB mempunyai liabiliti untuk membayar kepada GHSB dalam tempoh mulai 18.11.2019 sehingga 10.1.2020.

Nota³ : Berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP, baki bayaran yang dijelaskan sepenuhnya pada 10.1.2020 iaitu pada 'tarikh genap masanya dan kena dibayar' akan dikira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan GHSB bagi TT 2020.

Contoh 7

Seriemas Sdn Bhd (SSB) telah menandatangani perjanjian bernilai RM60,000 dengan Best Control Sdn Bhd (BCSB), sebuah syarikat perkhidmatan kawalan serangga bagi tempoh selama tiga (3) tahun iaitu mulai 1.7.2018 hingga 30.6.2021. Mengikut perjanjian bertarikh 2.4.2018, SSB dikehendaki membayar deposit sebanyak 10% berjumlah RM6,000 pada 3.4.2018.

Baki berjumlah RM54,000 kena dibayar sebagai bayaran pendahuluan apabila invois dikeluarkan pada setiap 1 Jun sebelum perkhidmatan bermula mengikut tempoh kontrak. BCSB menutup akaun pada 30 Jun setiap tahun.

Ringkasan perjanjian antara BCSB dan SSB pada 2.4.2018

Tahun	2018	2019	2020
Amaun deposit (RM)	6,000		
Tarikh genap masanya bagi bayaran	3.4.2018		
Amaun dibayar secara pendahuluan (RM)	18,000	18,000	18,000
Tarikh invois dikeluarkan	1.6.2018	1.6.2019	1.6.2020
Tempoh perkhidmatan	1.7.2018 – 30.6.2019 (TT 2019)	1.7.2019 – 30.6.2020 (TT 2020)	1.7.2020 – 30.6.2021 (TT 2021)

Berikut layanan cukai atas deposit dan bayaran pendahuluan yang diterima oleh BCSB:

TT yang bayaran dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan di bawah perenggan 24(1)(b) ACP	2018	2019	2020
Jumlah deposit (RM)	6,000	-	-
Tarikh bayaran	3.4.2018		
Jumlah dibayar secara pendahuluan (RM)	18,000	18,000	18,000
Tarikh invois	1.6.2018	1.6.2019	1.6.2020
Tempoh perkhidmatan	1.7.2018 – 30.6.2019 (TT 2019)	1.7.2019 – 30.6.2020 (TT 2020)	1.7.2020 – 30.6.2021 (TT 2021)
Jumlah keseluruhan diterima oleh BCSB (RM)	24,000	18,000	18,000

Terdapat obligasi berkontrak untuk membayar bayaran pendahuluan apabila invois dikeluarkan pada setiap 1 Jun sebelum perkhidmatan diberikan bagi tempoh asas berikutnya.

Ini bererti bayaran pendahuluan berjumlah RM18,000 mengikut tarikh invois yang dikeluarkan merupakan hutang yang terhutang terbit (menjadi genap masanya dan kena dibayar) bagi setiap tahun berakhir 30.6.2018, 30.6.2019 dan 30.6.2020. Oleh itu, hutang tersebut hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan BCSB dalam tempoh yang berkaitan berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP, walaupun perkhidmatan tersebut masih belum diberikan.

Bagi TT 2018, bayaran deposit berjumlah RM6,000 yang diterima oleh BCSB, dikenakan dengan perkhidmatan yang akan diberikan dalam tempoh asas berikutnya hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan BCSB berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP kerana liabiliti telah wujud pada tarikh bayaran ditetapkan iaitu 3.4.2018.

Contoh 8

Fakta adalah sama seperti di Contoh 7 kecuali SSB gagal membuat bayaran sebanyak RM18,000 pada 1.6.2019.

Berdasarkan kepada perjanjian, SSB dikehendaki membuat bayaran pada 1.6.2019, oleh itu satu liabiliti wujud pada tarikh tersebut dan hutang yang terhutang kepada BCSB juga akan terbit (menjadi genap masanya dan kena dibayar) berkenaan dengan perkhidmatan yang masih belum diberikan oleh BCSB. Maka, berdasarkan peruntukan perenggan 24(1)(b) ACP, hutang berjumlah RM18,000 yang terbit itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan BCSB bagi TT 2019, walaupun perkhidmatan kontrak bagi tempoh (1.7.2019 to 30.6.2020) masih belum diberikan dan tiada bayaran diterima daripada SSB.

6. Layanan Cukai Sebelum Tahun Taksiran 2016

Sebelum TT 2016, bayaran pendahuluan yang diterima dikira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan apabila perkhidmatan telah diberikan.

Contoh 9

High Security Sdn Bhd adalah sebuah syarikat keselamatan yang terkenal di Lembah Klang.

Pada tahun 2015, syarikat telah menerima bayaran pendahuluan berjumlah RM72,000 untuk perkhidmatan yang akan diberikan pada masa hadapan iaitu bagi tempoh enam (6) tahun mulai tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2020. Syarikat telah mengira pendapatan kasar berdasarkan perkhidmatan yang telah diberi iaitu RM12,000 bagi tahun taksiran 2015.

Syarikat telah mendapat pengesahan berhubung layanan cukai bagi baki bayaran pendahuluan berjumlah RM60,000 (RM72,000 – RM12,000) yang melibatkan sebahagian perkhidmatan yang belum diberi kepada pelanggan.

Oleh kerana, **bayaran pendahuluan diterima** sebelum tahun taksiran 2016 iaitu **sebelum berkuat kuasanya peruntukan subseksyen 24(1A) ACP**, maka **layanan cukai sebelum YA 2016 dikekalkan**. Ini bermaksud, baki bayaran pendahuluan berjumlah RM60,000 dikira sebagai pendapatan kasar apabila perkhidmatan telah diberikan iaitu sebanyak RM12,000 dalam setiap tahun taksiran mulai tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2020.

7. Layanan Cukai Berhubung Bayaran Balik Penerimaan Bayaran Pendahuluan

Menurut peruntukan subseksyen 34(7A) ACP, jika seseorang itu membayar balik apa-apa jumlah wang yang telah diterima berhubung dengan perkhidmatan yang belum diberikan, dan jumlah ini telah dikira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan mengikut subseksyen 24(1A) ACP, orang itu boleh menuntut potongan ke atas jumlah bayaran balik tersebut dalam tempoh asas bagi tahun taksiran bayaran balik itu berlaku.

Contoh 10

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali pada 1.2.2020, ASB menamatkan kontrak bagi perkhidmatan yang akan diberikan kepada PCSB pada tahun 2021. Oleh itu bayaran pendahuluan yang telah dibuat oleh PCSB di bawah peruntukan subseksyen 24(1A) ACP, akan dibayar balik oleh ASB kepada PCSB pada tahun 2020.

Berdasarkan peruntukan subseksyen 34(7A) ACP, ASB boleh menuntut potongan cukai ke atas amaun yang dibayar balik tersebut dalam TT 2020 iaitu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran bayaran balik itu dibuat.

8. Perkhidmatan yang Tidak Tertakluk kepada perenggan 24(1)(b) dan Subseksyen 24(1A) ACP

8.1 Perenggan 24(1)(b) dan subseksyen 24(1A) ACP tidak terpakai kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan yang telah ditetapkan. Misalnya, aktiviti perniagaan berkaitan perkhidmatan kontrak pembinaan atau pemajuan harta, layanan cukai adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan yang ditetapkan. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada KU No. 1/2009 bertajuk "Pemajuan Harta" dan KU No.2/2009 bertajuk "Kontrak Peminan".

8.2 Menurut peruntukan subseksyen 24(8) ACP, seksyen 24 ACP tidak terpakai terhadap pendapatan di bawah seksyen 4A ACP. Pendapatan di bawah seksyen 4A ACP adalah berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh orang yang tidak bermastautin di Malaysia. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada KU No. 10/2019 bertajuk "Cukai Pegangan Ke atas Pendapatan Kelas Khas".

8.3 Deposit bagi sesuatu perkhidmatan yang diterima oleh seorang penyedia perkhidmatan semasa menandatangani sesuatu perjanjian, yang mana deposit itu akan dikembalikan setelah perkhidmatan itu

selesai, bukan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan seorang penyedia perkhidmatan di bawah seksyen 24 ACP. Contoh bayaran deposit itu adalah bayaran yang berkaitan dengan deposit sekuriti dan deposit dikembalikan. Sila rujuk kepada Contoh 11 dan 13.

- 8.4 Deposit boleh dilucutkan jika terma-terma dan syarat-syarat perjanjian itu tidak dipatuhi, yang mana deposit itu tidak akan dikembalikan oleh penyedia perkhidmatan setelah perkhidmatan itu selesai. Deposit yang dilucuthakkan itu adalah sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan seorang penyedia perkhidmatan di bawah peruntukan perenggan 4(a) ACP. Sila rujuk kepada Contoh 12.

Contoh 11

Graphic Sdn Bhd (GSB) telah menandatangani suatu perjanjian dengan sebuah syarikat catering, Almadina Sdn Bhd bagi perkhidmatan sajian makanan untuk peserta kursus bernilai RM500,000. Mengikut perjanjian yang ditandatangani, GSB dikehendaki membayar deposit sebanyak 10% berjumlah RM50,000 sebaik sahaja menandatangani perjanjian tersebut. Deposit tersebut akan dikembalikan kepada GSB apabila perkhidmatan selesai dilaksanakan oleh syarikat catering dan pembayaran penuh sebanyak RM500,000 telah dibayar oleh GSB.

Deposit akan dilucuthakkan jika GSB gagal untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian.

Deposit RM50,000 yang diterima oleh syarikat catering itu tidak tertakluk kepada perenggan 24(1)(b) dan subseksyen 24(1A) ACP kerana ia merupakan deposit dikembalikan. **Deposit dikembalikan** adalah deposit yang boleh diperolehi semula dan bukan sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan bagi perkhidmatan yang akan diberikan.

Contoh 12

Fakta adalah sama seperti di Contoh 11 kecuali GSB gagal untuk mematuhi peraturan terma perjanjian dengan syarikat catering. Maka, deposit RM50,000 tidak dikembalikan kepada GSB kerana ia merupakan **deposit yang dilucuthakkan**.

Deposit yang dilucuthakkan dan tidak dikembalikan kepada GSB itu adalah sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan syarikat katering di bawah peruntukan perenggan 4(a) ACP.

Contoh 13

Danisha Sdn Bhd (DSB) menyewa sebuah bangunan komersial daripada Firas Sdn Bhd (FSB) untuk tempoh selama 2 tahun yang berkuat kuasa pada 1.6.2020. Sewa bulanan sebanyak RM1.5 juta termasuk perkhidmatan penyelenggaraan dan perkhidmatan sokongan untuk bangunan yang akan disediakan secara komprehensif dan aktif oleh pemilik bangunan (FSB). Di bawah terma perjanjian penyewaan, deposit sekuriti yang bersamaan dengan sewa sebulan sebanyak RM1.5 juta akan dibayar oleh DSB kepada FSB. Deposit sekuriti ini akan dikembalikan sepenuhnya kepada DSB pada akhir perjanjian sewa, dengan syarat bahawa tidak ada kerosakan yang dilakukan terhadap bangunan komersial dan tidak ada pembayaran sewa yang belum selesai.

Deposit sekuriti yang diterima oleh FSB untuk penyewaan bangunan komersialnya tidak dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan FSB dalam tempoh itu kerana **deposit sekuriti** tidak tertakluk kepada perenggan 24(1)(b) dan subseksyen 24(1A) ACP.

9. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.